

**Pustakawan Tempatan Perlukan Perlindungan Undang-undang
Bernama
07 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) berpendapat dengan adanya kemungkinan pustakawan asing akan diambil berkhidmat di negara ini untuk memenuhi permintaan dalam perkhidmatan perpustakaan pada masa akan datang, peraturan secara undang-undang perlu diwujudkan untuk menjaga kepentingan pustakawan tempatan.

"Keutamaan perlu diberi kepada pustakawan tempatan dan sejajar dengan itu, satu undang-undang (akta) perlu diwujudkan untuk melindungi mereka," kata presidennya Prof Madya Prof Dr Mohd Sharif Mohd Saad.

Beliau berkata PPM menerima banyak pertanyaan berhubung pengambilan pustakawan asing.

"Harapan utama ialah sekiranya pustakawan asing diambil, maka mekanisme sewajarnya perlu diwujudkan untuk memastikan pustakawan tempatan tidak berada di pihak yang rugi, manakala pustakawan asing pula perlu berdaftar dengan sebuah badan (khas) sebelum dibenarkan bekerja di sini," kata Mohd Sharif.

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas menghadiri mesyuarat agung tahunan persatuan itu yang dirasmikan Ketua Pengarah Bernama Datuk Yong Soo Heong di sini Isnin.

Turut hadir, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Datuk Raslin Abu Bakar.

Mohd Sharif berkata banyak universiti swasta menggunakan khidmat pustakawan asing untuk membantu mereka mempermudah persefahaman global dan berkongsi pengalaman.

Bagaimanapun, kata beliau, permintaan terhadap pustakawan tempatan yang berkelayakan akan terus tinggi berikutan kemunculan banyak universiti baru, terutama di kawasan seperti Iskandar Malaysia.

Beliau berkata beberapa pustakawan tempatan diambil berkhidmat oleh universiti di Singapura dan negara lain.

Terdahulu, Yong menyampaikan Anugerah Perpustakaan Cemerlang kepada Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664342>